

23 AUG 1999

Malaysia-Dagangan

MALAYSIA KAJI POTENSI DAGANGAN DENGAN NEGARA-NEGARA KECIL

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan mengkaji potensi dagangan dengan negara-negara kecil di seluruh dunia sebagai pendekatan penting dalam usaha mengembangkan ekonomi negara.

Katanya sejak Malaysia mengadakan hubungan dengan negara-negara Selatan yang dahulunya dianggap lemah dan tidak berpotensi, dagangan Malaysia dengan negara-negara tersebut telah meningkat sebanyak RM90 bilion setahun.

"Malaysia sebagai sebuah negara dagangan, perlu mencari rakan dagangan yang lebih banyak kerana kita tidak boleh mengharapkan rakan-rakan tradisional sahaja," katanya pada persidangan media di sini sekembalinya dari lawatan ke Rusia dan China.

Dr Mahathir berkata lawatannya ke Khabarovskii sebuah wilayah dalam Siberia dan Buryatia, kedua-duanya berada dalam Persekutuan Rusia, dan China berjaya dalam usaha meningkatkan dagangan.

Katanya Malaysia tidak boleh menganggap mana-mana tempat sebagai tidak berpotensi.

"...Pada mulanya kita tidak nampak potensi, tetapi kalau kita kaji betul-betul kita akan dapat maklumat yang berguna yang boleh meningkatkan dagangan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata lawatannya ke Khabarovsk adalah baik dari segi meningkatkan hubungan Malaysia dengan Rusia.

"Lawatan itu dapat meningkatkan dagangan bukan sahaja dengan sebahagian Rusia tetapi juga dengan seluruh Rusia," katanya.

Beliau berkata penduduk Siberia (Khabarovsk) adalah mesra, tetapi tahap pembangunan terutamanya dalam bidang perhubungan masih rendah bagi meningkatkan hubungan yang lebih baik dengan dunia luar.

Semasa di Khabarovsk, tempat pertama yang dilawatinya, Dr Mahathir meninjau industri pengeluaran kapal terbang, potensi dagangan dan pelaburan. Pada masa ini hanya terdapat sebuah syarikat Malaysia yang beroperasi di sana dan mengeluarkan papan lapis.

Dari sana Perdana Menteri kemudian melawat Beijing sempena perayaan ulang tahun ke-25 hubungan diplomatik Malaysia-China yang ditandatangani Allahyarham Tun Abdul Razak semasa melawat China pada tahun 1974, selaku perdana menteri ketika itu.

Dr Mahathir bertemu dan mengadakan perbincangan dengan Presiden Jiang Zemin dan Perdana Menteri Zhu Rongji mengenai hubungan dua-hala dan isu-isu antarabangsa.

Perdana Menteri kemudian melawat Buryatia, di sini beliau dibawa melihat industri membuat helikopter di Ulan Ude, ibu kota wilayah autonomi Rusia itu.

Dr Mahathir berkata Malaysia sudah membeli dua buah helikopter Rusia tetapi bukan buatan Buryatia.

Namun begitu, katanya Buryatia mempunyai potensi yang baik dan buat masa ini telah mengadakan kerjasama dengan pihak Airop untuk membuat modifikasi helikopter keluarannya.

Dr Mahathir berkata lawatannya ke Buryatia adalah juga untuk mengkaji potensi dagangan dan pelaburan.

Perdana Menteri menyifatkan, lawatannya ke negara-negara itu, sebagai memuaskan dan berjaya.

-BERNAMA

AFY HA RI

